

ISTILAH DAN MAKSUD BIDANG AKIDAH (TING 4 DAN 5)

Arahan : Suaikan maksud (kotak biru) dengan istilahnya yang tepat (kotak kuning)

Ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam, sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah	Al-Muntaqim
Aliran pemikiran yang menganggap semua agama adalah sama dan membawa kebaikan	Iktikad
Aliran pemikiran yang menyeru kepada kebebasan dan keterbukaan dalam mentafsir agama	Syariat
Kepercayaan atau keyakinan dalam hati	Liberalisme
Kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang kepada al-Quran dan as-Sunnah menerusi para sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak	Uluhiyah
Kumpulan pengikut Saidina Ali yang berpaling tadah kerana tidak berpuas hati dengan keputusan <i>Majlis Tahkim</i>	al-Syahid
Kumpulan yang diasaskan oleh Wasil bin 'Ata' setelah berlaku perbezaan pendapat antara beliau dengan gurunya Hasan al-Basri tentang kedudukan pelaku dosa besar	Ajaran Sesat
Kumpulan yang menuntut supaya Saidina Ali dilantik sebagai khalifah selepas kewafatan Rasul SAW dan berkeyakinan bahawa hanya <i>Ahlil Bait</i> sahaja yang layak menjadi khalifah	Nubuwwah
Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Berkuasa secara mutlak untuk melakukan segala kehendak-Nya	Pluralisme
Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Mengawasi semua perbuatan dan keadaan makhluk	al-Jabbar
Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Menyaksikan semua perbuatan dan mendengar semua ucapan makhluk, tiada suatu pun yang tersembunyi daripada-Nya	Ghaibiyat
Nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Pembalas dengan menimpakan azab kepada orang yang melampaui batas	Ahli Sunnah wal-Jamaah
Perkara berkaitan hukum hakam agama	Muktazilah
Perkara berkaitan kenabian	Khawarij
Perkara berkaitan ketuhanan	Syiah
Perkara-perkara ghaib	al-Raqib